



MUHYIDDIN YASSIN keluar dari dewan bicara selepas sebutan semula kes mengeluarkan perkataan menghasut, di Mahkamah Sesyen Gua Musang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Menghasut: Muhyiddin mohon kes dipindah ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Peguam mewakili Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sebelum ini didakwa bagi pertuduhan mengeluarkan perkataan menghasut ketika berceramah di Felda Perasu di sini, memohon kes tersebut dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu.

Amer Hamzah Arshad, seorang daripada enam peguam Muhyiddin, berkata, barisan peguam telah memfailkan permohonan supaya kes tersebut dipindahkan dari Mahkamah Sesyen Gua Musang ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 1 November lalu.

Menurutnya, perkara terbabit turut dimaklumkan di hadapan Hakim Nik Mohd. Tarmizie Nik Mohd.' Shukri semasa prosiding sebutan semula kes berkenaan di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

"Kami memohon untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi kerana terdapat beberapa isu iaitu Seksyen 3 dan 4 Akta Hasutan bertentangan dengan Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai kesan menyekat dan menafikan kebebasan bersuara. Selain itu, ia melibatkan hak rakyat Malaysia untuk berkongsi kisah peribadi, menyatakan fakta, rekod seja-

rah atau mengeluarkan pendapat.

"Kes itu juga melibatkan peranan Yang di-Pertuan Agong di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini merupakan satu isu yang akan timbul dalam prosiding selepas ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas prosiding sebutan semula kes di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Kes tersebut dikendalikan oleh lima Timbalan Pendakwa Raya diketuai Azlina Rasdi manakala Muhyiddin diwakili enam peguam termasuk Amer Hamzah.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 15 Januari 2025. Pada prosiding sama, Nik Mohd. Tarmizie turut membenarkan pengecualian kepada Muhyiddin untuk hadir semasa prosiding sebutan semula pada tarikh baharu yang sudah ditetapkan.

Muhyiddin sebelum ini mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan di Mahkamah Sesyen bagi pertuduhan mengeuarkan perkataan menghasut ketika berceramah di Felda Perasu di sini pada 14 Ogos lalu.

Muhyiddin yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) membuat pengakuan tidak bersalah dan mohon dibicarakan semasa pertuduhan dibacakan di hadapan Nik Mohd. Tarmizie.